

kandungan

- | | |
|----|----------------------|
| 1 | ١. آداب الجالس |
| 2 | ٢. آداب اللبس |
| 4 | ٣. آداب الزيارة |
| 5 | ٤. آداب المساجد |
| 6 | ٥. آداب الأكل والشرب |
| 10 | ٦. آداب النوم |
| 12 | ٧. محبة الجيران |
| 14 | ٨. الصدق |
| 16 | ٩. الكذب |
| 18 | ١٠. الحلم |
| 20 | ١١. الإخلاص |
| 22 | ١٢. الحياء |
| 25 | ١٣. الألفة |
| 26 | ١٤. المروءة |

سلسلة
بروس الأذلاق



AKHLAK ISLAM
TINGKATAN 2

محمد داود علي

*Pelajaran pertama***ADAB MAJLIS**

Seluruh kehidupan muslim wajib patuh kepada peraturan Islam yang mencakupi setiap perihal kehidupan sehingga cara seseorang Islam duduk di dalam majlis bersama saudara-saudaranya (juga diterangkan). Oleh kerana itulah seseorang itu perlu mengikuti adab-adab berikut ketika duduk dan semasa berada dalam majlis tersebut.

Antara adab majlis adalah seperti berikut :

- 1- Memberi salam kepada orang yang berada di dalam majlis itu dengan lafaz :
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
“Semoga Allah memberi kesejahteraan, rahmat dan keberkatannya kepada kamu”.
- 2- Duduklah di tempat yang ada ruang kosong di dalam majlis itu.
- 3- Jangan menyuruh seseorang bangun dari tempat duduknya supaya dia boleh duduk di tempat tersebut.
- 4- Jangan duduk dicelah antara dua orang kecuali dengan izinnya, kerana nabi s.a.w bersabda : “*Jangan kamu menyuruh seseorang bangun dari tempat duduknya, kemudian kamu duduk di tempat tersebut tetapi hendaklah kamu luaskan dan buka ruang (untuk orang lain duduk)*”. Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.
- 5- Jangan duduk di tengah-tengah bulatan, kerana hadis daripada Huzaifah menyebut bahawa nabi s.a.w bersabda : “*dilaknat orang yang duduk di tengah-tengah bulatan orang yang duduk mengelilinginya*”. Hadis riwayat Abu Daud.
- 6- Hendaklah ia duduk dengan tenang dan baik.
- 7- Jangan menyilang anak-anak jari (membunyikan jari jemari).
- 8- Jangan bermain-main dengan janggut atau cincin.
- 9- Jangan mencungkil celah-celah gigi.
- 10- Jangan memasukkan jari ke hidung (mengorek hidung).
- 11- Jangan banyak meludah atau menguap kecuali kerana terpaksa.

آداب المجالس

ال المسلم حياته كلها يجب ان تكون خاضعة للمنهج الاسلامي الذي تناول كل شأن من شئون الحياة حتى جلوس المسلم وكيفية مجالسته لأخوانه، ولذا كان عليه أن يلتزم بالآداب التالية في جلوسه ومجالسته.

ومن آداب المجالس ما يأتي :

- ١- أَن يبدأ الحاضرين بالسلام، فيقول: السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.
- ٢- وان يجلس حيث انتهى به المجالس.
- ٣- أَن لا يقيمن أحداً من مجلسه ليقعد هو فيه.
- ٤- أَن لا يجلس بين اثنين إلا بإذنهما، لقوله ﷺ: لا يقيمن أحدكم رجلاً من مجلسه ثم يجلس فيه، ولكن أوسعوا أو تفسحوا. رواه البخاري ومسلم.
- ٥- وَأَن لا يجلس في وسط الحلقة، حديث حذيفة **رضي الله عنه** أن الرسول ﷺ يقول: لعن من جلس في وسط الحلقة. رواه أبو داود.
- ٦- أَن يجلس بسکينة ووقار.
- ٧- أَن لا يسبك بين أصابعه.
- ٨- أَن لا يبعث بلحىته أو خاتمه.
- ٩- أَن لا يخلل أسنانه.
- ١٠- وَأَن لا يدخل أصبعه في أنفه.
- ١١- وَأَن لا يكثر من البصاق ولا يكثر من الشاؤب والعطاس إلا لضرورة.

- 12- Majlis tersebut hendaklah tenang dan tidak banyak pergerakan.
 - 13- Apabila bercakap, hendaklah percakapannya tersusun dan teratur.
 - 14- Mengelakkan daripada bergurau dan bertengkar serta mengurangkan percakapan kosong yang tidak mempunyai apa-apa faedah.
 - 15- Apabila melihat kemungkaran, hendaklah ia mengubah dengan tangannya (kuasanya). Sekiranya tidak mampu maka dengan lidahnya. Jika tidak mampu juga maka dengan hatinya (membenci kemungkaran tersebut di dalam hati).
 - 16- Jangan menghina seseorang di dalam majlisnya, kerana mungkin ia lebih baik daripadanya di sisi Allah s.w.t.
 - 17- Jangan memuliakan seseorang kerana hartanya, kerana yang sedemikian akan melemahkan agama dan menjatuhkan maruah.
 - 18- Apabila berada di tepi jalan maka hendaklah ia memelihara adab-adab berikut :
 - i) Merendahkan pandangan daripada perkara yang haram dilihat.
 - ii) Tidak menyakiti orang yang lalu lalang. Jangan ia sakiti dengan kata-kata dan perbuatannya.
 - iii) Menyuruh perkara kebaikan kerana menyuruh kebaikan itu adalah wajib ke atas setiap orang Islam.
 - iv) Melarang/mencegah daripada setiap kemungkaran yang dilihatnya dan dilakukan dihadapannya, kerana mengubah kemungkaran itu adalah wajib seperti menyuruh melakukan kebaikan.
 - v) Membantu orang yang memerlukan pertolongan dan menolong orang yang memerlukan dan orang yang lemah.
 - vi) Menunjuk jalan kepada orang yang sesat dalam perjalanan.
 - vii) Menjawab salam kepada setiap orang yang memberi salam kepadanya.
 - 19- Memohon keampunan Allah ketika bangun dari majlisnya (bersurai) agar diampunkan Allah apa-apa kesilapan yang mungkin berlaku sepanjang majlis itu berlangsung dengan menyebut :
- "Maha suci Engkau ya Allah dan segala pujian untuk Mu, aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Engkau, aku mohon keampunan dan bertaubat kepada Mu".*
- 20- Membaca selepas itu surah al 'Asr :
- Maksudnya :
- "Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang Demi masa. [1] Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, [2] Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasehat menasehati supaya mentaati kebenaran dan nasehat menasehati supaya menetapi kesabaran. [3]"*

- ١٢ - أن يكون مجلسه هادئاً قليلاً الحركة.
 - ١٣ - وإذا تكلم فليكن كلامه منظوماً متيناً.
 - ٤ - أن يتبع عن المزاح والمراء، وأن يعرض عن أقوال العامة الخالية عن الفائدة.
 - ٥ - وإذا رأى منكراً فليغیره بيده، فإن لم يستطع فبسانه، وإن لم يستطع فقبله.
 - ٦ - أن لا يختقر أحداً من جلسائه، ربما كان هو خيراً منه عند الله.
 - ٧ - أن لا يعظم أحداً ماله، لأن ذلك يضعف الدين ويسقط المرءة.
 - ٨ - وإذا كان في الطريق فعليه أن يراعي الآداب التالية:
 - أ) أن يغض بصره عما يحرم عليه نظره.
 - ب) أن يكف أذاه عن المارين، فلا يؤذي أحداً بلسانه ولا بيده.
 - ج) أن يأمر بمعروف لأن الأمر بالمعروف فريضة على كل مسلم.
 - د) أن ينهى عن كل منكر يشاهده يرتكب أمامه، لأن تغيير المنكر واجب كالامر بالمعروف.
 - ه) أن يغيث الملهوف وأن يعين المحتاجين والضعفاء.
 - و) أن يرشد الضال.
 - ز) أن يرد سلام كل من سلم عليه.
 - ٩ - أن يستغفر الله عند قيامه من مجلسه تكفيراً لما عساه أن يكون قد ألم به في مجلسه، فيقول: "سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ ، أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ .", لأن الرسول ﷺ يفعل ذلك.
 - ١٠ - أن يقرأ بعد ذلك سورة العصر.
- بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ③ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبَرِ ④

ADAB BERPAKAIAN

Orang Islam melihat berpakaian adalah antara perkara yang diperintah oleh Allah. Oleh itu ada pakaian yang boleh dan ada yang tidak boleh dipakai, ada pakaian yang dituntut dan ada yang dilarang memakaiannya.

Orang Islam perlu memastikan pakaianya adalah pakaian yang dibenarkan dan tidak memakai pakaian yang diharamkan memakainya. Kerana itulah ia perlu menjaga adab-adab berikut:

- 1- Lelaki dan perempuan hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat. Jangan mendedahkan aurat sama ada lelaki atau perempuan.
* Aurat lelaki ialah antara pusat dan lutut, manakala aurat perempuan ialah seluruh tubuhnya kecuali muka dan dua tapak tangan.
- 2- Lelaki tidak boleh sama sekali memakai pakaian sutera dan emas kerana kedua-duanya diharamkan kepada golongan lelaki di kalangan umat nabi Muhammad s.a.w.
- 3- Tidak melabuhkan baju, seluar atau kain selendang sehingga melebihi dua buku lali kerana perkara tersebut adalah haram.
- 4- Mengutamakan pakaian yang berwarna putih daripada warna-warna lain dengan anggapan semua warna adalah harus.
- 5- Orang lelaki tidak boleh memakai pakaian perempuan dan perempuan tidak boleh memakai pakaian lelaki, kerana rasulullah s.a.w melaknat lelaki pondan dan perempuan tomboy.
- 6- Mula menarung pakaian, baju atau kasut di sebelah kanan dan apabila membuka / mencabutnya hendaklah dimulakan sebelah kiri.
- 7- Apabila memakai baju atau pakaian baru hendaklah membaca :
"Ya Allah segala puji untukMu, Engkau telah memberi pakaian untukku, aku memohon kebaikan pakaian ini dan aku berlindung padaMu keburukannya".
Kerana Rasulullah s.a.w membaca sedemikian.
- 8- Berdoa untuk saudaranya apabila melihatnya memakai pakaian baru dengan doa berikut: "أَبْلُ وَأَخْلُو". "pakaian buruk diganti dengan pakaian baharu".
Kerana Rasulullah s.a.w berdoa sedemikian untuk Ummu Khalid ketika ia memakai pakaian baru.

آداب اللبس

إن المسلم يرى أن اللباس مما أمر به الله، ولذا كان من اللباس ما يجوز وما لا يجوز وما يستحب وما يكره.

وعلى المسلم أن يلتزم في لباسه ما يحل له، وأن يتبع عما يحرم عليه لبسه من اللباس، ولذا يلزم أن يراعي الآداب الآتية:

١- أن يلبس الرجل والمرأة ما يستر عورته كل، فلا يكشف الرجل عورته ولا تكشف المرأة عورتها.

وعورة الرجل ما بين السرة والركبة، وعورة المرأة المسلمة جميع بدنها إلا وجه والكفافين.

٢- أن لا يلبس الرجل الحرير والذهب مطلقاً، لأنهما محظى على ذكور الأمة المحمدية.

٣- أن لا يطيل ثوبه أو سرواله أو رداءه إلى أن يتتجاوز كعبته، لأن ذلك حرام.

٤- أن يفضل اللباس الأبيض على غيره مع اعتقاد أن كل لون جائز.

٥- أن لا يلبس المسلم لبسة المرأة ولا المسلمة لبسة الرجل، لأن الرسول صلى الله عليه وسلم لعن المختين والمختنات.

٦- أن يبدأ في لبس لباسه وثوبه ونعليه باليمين، وإذا نزع فليبدأ بالشمال.

٧- أن يقول إذا لبس ثوباً جديداً أو لباساً جديداً : "اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ ، أَنْتَ كَسُوتَنِي ، أَسْأَلُكَ حَيْرَةً مَا صُنِعَ لَهُ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صُنِعَ لَهُ" ، لأن الرسول ﷺ كان يقول ذلك.

٨- وإن يدعوا لأخيه المسلم إذا رأه يلبس جديداً، فيقول : "أَبْلُ وَأَخْلُقُ" ، لأن الرسول ﷺ دعا بذلك لأم خالد لما لبست جديداً.

ADAB ZIARAH

Ziarah adalah dituntut dalam Islam. Ia mempunyai adab tertentu. antara adab ziarah adalah seperti berikut:

- 1- Minta izin sebelum masuk.
- 2- Tetamu memberi salam (السلام عليكم) kepada tuan rumah, kemudian meminta izin masuk : "Bolehkah saya masuk?".
- 3- Hendaklah pulang apabila tuan rumah tiada di rumah atau sibuk dengan urusan peribadi.
- 4- Masa ziarah hendaklah pada waktu yang sesuai.
- 5- Jangan terlalu kerap ziarah kerana ia akan menjemukan. Rasulullah s.a.w berkata kepada Abu Hurairah r.a : "Wahai Abu Hurairah! Ziarahlah sekali sekala pastia ia akan menambahkan kasih sayang".

Allah s.w.t telah menjelaskan adab ziarah melalui firmanNya:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya. yang demikian itu lebih baik bagimu, agar kamu (selalu) ingat. (27). Jika kamu tidak menemui seorangpun didalamnya, Maka janganlah kamu masuk sebelum kamu mendapat izin. dan jika dikatakan kepadamu: "Kembali (saja)lah, Maka hendaklah kamu kembali. itu bersih bagimu dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan. (28)"

- 6- Jangan terlalu lama duduk (semasa ziarah) kerana yang demikian akan mengganggu/ menyusahkan tuan rumah.

آداب الزيارة

الزيارة مطلوبة في الإسلام، ولها آداب معينة. ومن آداب الزيارة ما يأتي:

- ١- أَن يسْتَأْذِنْ قَبْلَ الدُّخُولِ.
- ٢- أَن يَسْلِمَ الزائِرُ عَلَى المُزورِ، فَيَقُولُ : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ، ثُمَّ يَسْتَأْذِنْ فَيَقُولُ: أَأَدْخُلْ؟
- ٣- أَن يَرْجِعَ إِذَا كَانَ المُزورُ غَيْرَ مُوْجُودٍ، أَوْ كَانَ مُشغُولاً بِأَمْرٍ يَخْصُهُ.
- ٤- أَن يَكُونَ وَقْتُ الْزِيَارَةِ مُنَاسِبًا لَهُ.
- ٥- أَن لا تَكُثُرَ الْزِيَارَةُ فِيمَلْوُكٍ. فَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه: "يَا أَبَا هُرَيْرَةَ زَرْ غَبَاٰ تَرَدَّدَ حَبَاٰ".

وقد بين الله تعالى آداب الزيارة، فقال: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيوْتًا غَيْرَ بُيوْتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا وَتُسْلِمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾ فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤَذَنَ لَكُمْ وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ أَرْجِعُوا هُوَ أَرْكَىٰ لَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾

- ٦- أَن لا تطيل المكث، لأن ذلك احراج للمزور.

^١ الغب: أن تزور يوما وتترك يوما.

^٢ تستأنسو: تستأذنوا

^٣ أركي: أظهر

^٤ سورة النور: آية ٢٧

ADAB MASJID

Masjid adalah rumah Allah di mukabumi. Antara tanda iman seseorang itu ialah banyak berulang alik ke masjid dan mengimarahkannya. Sesiapa yang hatinya terikat dengan masjid akan dinaungi Allah s.w.t pada hari kiamat di bawah naungannya.

Antara adab-adab masjid adalah seperti berikut :

- 1- Bersuci sebelum pergi ke masjid.
 - 2- Berjalan ke masjid dengan perasaan penuh kerinduan serta tenang dan tenteram.
 - 3- Melangkah masuk dengan kaki kanan dengan membersihkan kasutnya di luar masjid.
 - 4- Membaca doa sebelum masuk ke masjid :
- “Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Ya Allah, bukakanlah untukku pintu rahmatMu”.*
- 5- Setelah masuk ke dalam masjid ia terus menunaikan solat sunat tahiyyatul masjid dua rakaat.
 - 6- Memberi salam kepada orang yang ada di dalam masjid. Juga disunatkan memberi salam walaupun tidak ada orang di dalam masjid, kerana masih ada di dalamnya jin dan malaikat.
 - 7- Duduk di dalam masjid dengan niat ‘itikaf dan mendekatkan diri kepada Allah serta diperhatikannya.
 - 8- Banyak berzikir pada Allah, beristighfar dan membaca al Quran.
 - 9- Jangan berpindah dari satu tempat ke tempat lain (di dalam masjid itu) kecuali kerana keperluan.
 - 10- Jangan mencari barang yang hilang.
 - 11- Jangan mengangkat suara di dalam masjid dan di hadapan orang yang sedang solat.
 - 12- Jangan melintasi di hadapan orang yang sedang solat.
 - 13- Jangan menyertai perbualan hal-hal keduniaan kerana masjid dibina untuk beribadat.
 - 14- Meangkan keluar dari masjid dengan kaki kiri selepas menunaikan solat dan ibadat-ibadat lain yang berkaitan.
 - 15- Membaca doa ketika keluar dari masjid :

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon limpah kurniaMu”.

Nabi s.a.w di dalam hadis qudsi menyebut : “Sesungguhnya rumah-rumahku di muka bumi ini adalah masjid. Orang yang menziarahinya adalah orang yang mengimarahkannya. Beruntungnya bagi hambaku yang membersihkan dirinya di rumahnya kemudian menziarahiku di rumahku. Maka kewajipan tuan rumah memuliakan tetamu”..

آداب المساجد

المسجد بيوت الله في أرضه. زمن علامات إيمان المرء كثرة تردد على المساجد وعمارته لها. ومن تعلق قلبه بما أظلله الله يوم القيمة تحت ظل عرشه. ومن آدابها ما يأتي:

- ١- أن يتطهر قبل الذهاب إليها.
- ٢- أن يمشي إليها باشتياق مع السكينة والوقار.
- ٣- أن يدخل برجله اليمنى مع تنظيف نعليه خارجها.
- ٤- أن يقول عند الدخول: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ
- ٥- أن يصلى بعد دخوله فيها مباشرة صلاة تحية المسجد ركعتين.
- ٦- أن يسلم على الجالسين فيها، كما يسن أن يسلم ولو كان المسجد خاليا من الناس، لأنه لا يخلو من الجن والملائكة.
- ٧- أن يجلس فيها بنية الإعتكاف فيها وبنية التقرب إلى الله ومراقبته تعالى.
- ٨- أن يكثر من ذكر الله تعالى والاستغفار وقراءة القرآن.
- ٩- أن لا ينتقل من مكانه إلى آخر إلا لحاجة.
- ١٠- ألا ينشد ضالة.
- ١١- ألا يرفع صوته فيها وبمحضرة المصلين.
- ١٢- ألا يمر بين أيدي المصلين.
- ١٣- ألا يخوض في كلام أهل الدنيا، لأن المساجد أنشئت للعبادة.
- ١٤- أن يبدأ برجله اليسرى عند خروجه منها بعد أداء الفريضة وما يعلق بها.
- ١٥- أن يقول عند خروج منها : اللَّهُمَّ إِنِّي أَشْتَأْلُكَ مِنْ فَضْلِكَ . قال النبي صلى الله عليه وسلم فيما يرويه عن ربه تبارك وتعالى: إن بيتي في أرضي المساجد، وإن زواري فيها عماراتها. فطوبى لعبد تطهر في بيته ثم زارني في بيتي، فحق على المزور أن يكرم زائره.

ADAB MAKAN DAN MINUM

Beberapa adab makan antaranya adab sebelum makan, ketika makan dan selepas makan.

Pertama : Adab sebelum makan, antaranya :

- 1- Membasuh tangan sebelum makan kerana mungkin ada kotoran di tangan tersebut.
- 2- Meletakkan makanan di atas kain hamparan (yang diletak di atas lantai), kerana ini cara yang hampir sama dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dan ianya lebih menunjukkan sikap rendah diri.
- 3- Duduk di atas kain hamparan tersebut, lalu ditegakkan lutut kaki kanan dan papan punggung di atas telapak kaki kiri.
- 4- Niat semasa makan itu agar mendapat kekuatan untuk melakukan ketaatan kepada Allah s.w.t supaya menjadi seorang yang taat dengan sebab makanan itu dan juga mendapat pahala.
- 5- Bukan semata-mata memenuhi selera makan sahaja.
- 6- Tidak memanjangkan tangan untuk mencapai makanan kecuali ketika lapar. Seseorang itu berhenti makan sebelum kenyang.
- 7- Redha dengan rezeki yang sedikit dan jangan menghina/mengeluh dengan rezeki yang sedikit.
- 8- Berusaha makan makan secara beramai-ramai walaupun bersama dengan keluarga dan anak-anaknya.
- 9- Tidak mula menjamah makanan ketika makan bersama orang yang lebih tua atau lebih mulia daripadanya kecuali makan selepas mereka memulakannya.

آداب الأكل والشرب

آداب الأكل، منها ما هو قبل الأكل، ومنها ما هو مع الأكل، ومنها ما هو بعد الأكل.

أولاً - الآداب التي قبل الأكل، منها:

- ١- أن يغسل اليد قبل الأكل، لأنها لا تدنو من درن.
- ٢- أن يوضع الطعام على سفرة موضوعة على الأرض، لأنه أقرب إلى فعل الرسول ﷺ، وهوأدنى إلى التواضع.
- ٣- أن يجلس على السفرة، فينصب رجله اليمنى، يعتمد على اليسرى.
- ٤- أن ينوي بأكله أن يتقوى على طاعة الله ليكون مطينا بالأكل ويثاب عليه.
- ٥- لا يقصد به التنعم فقط.
- ٦- لا يمد يده إلى الطعام إلا وهو جائع. وأن يرفع يده قبل الشبع.
- ٧- ان يرضي باليسير من الرزق، ولا يحتقر اليسير منه.
- ٨- أن يجتهد في تكثير الأيدي على الطعام ولو من أهله وولده
- ٩- أن لا يبتديء في الأكل إذا كان معه من أكبر منه سنا أو من هو أفضل منه إلا أن يكون هو المتبوع.

Kedua : Adab semasa makan

Antara adab semasa makan adalah seperti berikut:

- 1- Mulakan dengan bismillah ketika mula makan : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . Apabila terlupa membacanya dipermulaan makan, hendaklah membaca : "Dengan nama Allah di awal dan akhirnya" بِسْمِ اللَّهِ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ"
- 2- Membaca doa agar diberkati makanan tersebut : "Ya Allah, berkatilah rezeki yang Engkau kurniakan dan selamatkanlah aku daripada azab nerakaMu". Doa ini hendaklah dibaca dengan nyaring supaya dapat mengingati orang lain.
- 3- Makan dengan tangan kanan.
- 4- Mengelikan suapan dan menguyahnya dengan baik.
- 5- Jangan menuap makanan lain kecuali setelah ditelan suapan pertama.
- 6- Jangan mencela makanan, sekiranya suka ia makan dan kalau tidak suka tingalkannya.
- 7- Makan makanan yang dekat dengannya kecuali jika makanan itu berbagai jenis seperti buah-buahan.
- 8- Makan dengan menggunakan tiga jari.
- 9- Tidak meniup pada makanan yang panas.
- 10- Jangan minum air ketika makan, ini adalah baik untuk kesihatan kecuali ketika memerlukannya.
- 11- Jangan melakukan perkara yang menjijikkan orang lain. Jangan meretap tangannya di dalam pinggang. Apabila ingin membuang sesuatu dari mulutnya hendaklah dipalingkan mukanya dari makanan dan mengeluarkannya dengan tangan kiri.
- 12- Jangan melihat kepada sahabat-sahabatnya ketika makan supaya mereka tidak merasa malu.
- 13- Jangan diam ketika makan, tapi hendaklah bercakap perkara kebaikan, bercerita kisah orang-orang soleh ketika makan dan lain-lainnya.

ثانيا - الآداب حالة الأكل:

ومن الآداب حالة الأكل ما يأتي:

- ١- أن يبدأ باسم الله في أوله، فيقول : "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ". فإذا نسي ذلك في أوله فليقل: "بِسْمِ اللَّهِ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ".
- ٢- أن يدعو الله أن يبارك في طعامه، فيقول: "اللَّهُمَّ بارِكْ لِي فِيمَا رَزَقْتَنِي، وَقِنِي عَذَابَ النَّارِ" وأن يجهر بذلك ليذكر غيره.
- ٣- أن يأكل باليد اليمنى.
- ٤- أن يصغر اللقمة ويمضغها جيدا.
- ٥- أن لا يمد يده إلى أخرى حتى يتبع الأولى.
- ٦- أن لا يذم ما كولا، إن أحبه أكله وإن كره تركه.
- ٧- أن يأكل مما يليه إلا أن يكون متوععا كالفواكه.
- ٨- أن يأكل بثلاث أصابع.
- ٩- أن لا ينفح في الطعام الحر.
- ١٠- ولا يشرب الماء في أثناء الطعام، فإنه أجود في باب الطب إلا عند احتياج إليه.
- ١١- أن لا يفعل ما يستقدر به من غيره، فلا ينفض يده في القصعة، وإذا أخرج شيئاً من فمه ليرمي به صرف وجهه عن الطعام وأخذنه بيساره.
- ١٢- أن لا ينظر إلى أصحابه حالة الأكل لئلا يستحيوا.
- ١٣- أن لا يسكنوا على الطعام، بل يتكلمون بالمعروف ويتحدثون بحكايات الصالحين في الأطعمة وغيرها.

Ketiga : Adab selepas makan

Antara adab selepas makan adalah seperti berikut :

- 1- Berhenti makan sebelum kenyang. Rasulullah s.a.w bersabda : “*Janganlah manusia penuhkan makanan dalam bekas penyakit (perut). Cukuplah seseorang itu makan beberapa makanan – dalam riwayat lain : beberapa suapan – yang boleh memberikan kekuatan untuknya. Sekiranya tidak pasti maka (bahagikanlah) 1/3 untuk makanan, 1/3 untuk minuman dan 1/3 untuk pernafasan”.*
- 2- Menjilat jari-jemarinya selepas makan.
- 3- Mengutip sisa makanan dalam pinggan dan menghabiskannya.
- 4- Mengutip makanan yang jatuh.
- 5- Membasuh tangan selepas menjilat jari-jarinya.
- 6- Memuji Allah dan berdoa :
“*Segala puji bagi Allah yang memberi makanan dan minuman padaku dan menjadikan aku di kalangan orang Islam*”.
- 7- Membasuh tangan dan mulut selepas makan.

Adab minum

Adab minum itu banyak, antaranya:

- 1- Membaca bismillah ketika minum : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
- 2- Memegang gelas dengan tangan kanan.
- 3- Melihat air minuman itu sebelum minum.
- 4- Minum dalam keadaan duduk.

ثالثا – الآداب التي بعد الأكل :

ومن الآداب التي بعد الأكل ما يأتي :

- ١- أن يمسك قبل الشبع، قال رسول الله عليه وسلم : ما ملأ ابن آدم وعاء شر من بطنه، حسب ابن آدم أكلات – وفي رواية : لقيمات – يقمن صلبه، فإن كان لا محالة، فثلث لطعامه، وثلث لشرابه، وثلث لنفسه.”.
- ٢- أن يلعق أصابعه بعده.
- ٣- أن يسلت[°] القصعة ويسحها.
- ٤- أن يلتقط الفتات.
- ٥- أن يغسل يديه بعد أن لعق أصابعه.
- ٦- أن يحمد الله تعالى، وأن يقول : الحمد لله الذي أطعمني وسقاني وجعلني من المسلمين.
- ٧- أن يغسل يده وفمه بعده.

آداب الشرب

آداب الشرب كثيرة منها:

- ١- التسمية أوله، فيقول : بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
- ٢- أن يتناول الإناء باليمين.
- ٣- أن ينظر فيه قبل الشرب.
- ٤- أن يشرب جالسا.

[°] يسلت : يتتبع ما بقي فيها من الطعام ويسحها.

- 5- Hirup minuman itu bukan menelannya habis segelas tanpa bernafas kerana cara ini akan merosakkan hati. Rasulullah s.a.w bersabda : "*hiruplah minuman sedikit demi sedikit dan jangan menelangnya sekaligus*".
 - 6- Minum dengan tiga kali bernafas. Baca bismillah di awalnya dan memuji Allah di akhirnya.
 - 7- Jangan bernafas di dalam gelas atau sendawa. Apabila mahu bernafas ketika minum hendaklah menjauhkan gelas itu daripanya kemudian bernafaslah.
 - 8- Apabila ingin memberi minum kepada orang lain hendaklah dahulukan orang sebelah kanan berbanding sebelah kiri, walaupun sebelah kiri itu lebih mulia kerana Rasulullah s.a.w memberi minum kepada orang kampung yang berada di sebelah kanannya sebelum memberi minuman kepada Abu Bakar dan Umar al Khattab r.a dan baginda berkata : "*sebelah kanan di dahulukan*".

٥- أَنْ يَمْصُ المَاءَ وَلَا يَعْبُهُ، لِأَنَّ عَبَهُ يَضْرُ الْكَبَدَ. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : مَصُوا الْمَاءِ مَصَا وَلَا تَعْبُوهُ عَبَا.

٦- أَن يشرب في ثلاثة أنفاس، يسمى في كل واحد ويحمد في آخره.

٧- أَنْ لَا يَتَنَفَّسُ فِي الْأَنَاءِ، وَلَا يَتَجَشَّأُ فِيهِ. وَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَتَنَفَّسَ فِي شَرِبَةٍ فَعَلَيْهِ أَنْ يَتَبَعَّدَ الْأَنَاءَ عَنْهُ وَيَتَنَفَّسُ.

٨- وإذا أراد أن يسقى غيره فليقدم من على يمينه على يساره ولو كان أفضل، لأن رسول الله ﷺ سقى أعرابياً كان على يمينه قبل أبي بكر وعمر بن الخطاب رضي الله عنهمَا، وقال : "الأمين فالآمين".

٦ التحشوة : تنفس المعدة

ADAB TIDUR

Orang Islam menganggap tidur adalah antara nikmat-nikmat Allah kepada hamba-hambanya. Oleh itu ia perlu menjaga adab-adab berikut :

- 1- Tidak lewat tidur selepas solat isya' kecuali kerana terpaksa atau ada keperluan.
- 2- Tidur dalam keadaan berwudhu' dan suci kerana sabda nabi s.a.w : "Apabila kamu hendak tidur hendaklah kamu berwudhu' seperti wudhu' untuk solat". Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.
- 3- Mengadap kiblat dengan mukanya.
- 4- Tidur di atas lambung kanan dan meletakkan tangan kanannya di bawah pipi kanannya. Tidak mengapa ia mengubah ke sebelah kiri selepas itu, kerana sabda nabi s.a.w : "Apabila kamu hendak tidur hendaklah kamu berwudhu' seperti wudhu' untuk solat, kemudian baring di atas bahagian kanan. Sesungguhnya yang demikian itu antara sunah penghulu para nabi - Muhammad s.a.w".
- 5- Jangan tidur dalam keadaan meniarap sama ada waktu siang atau malam, kerana tidur sedemikian adalah tidur penghuni neraka dan ia tidak disukai Allah s.w.t sebagaimana yang terdapat dalam hadis.
- 6- Membaca surah al fatihah, awal surah al Baqarah, ayat Kursi dan akhir surah al Baqarah.
 - i) surah al fatihah :

Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang {1} Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam {2} Maha Pemurah lagi Maha Penyayang {3} Yang menguasai di hari Pembalasan {4} Hanya Engkau lah yang kami sembah, dan Hanya kepada Engkau lah kami meminta pertolongan {5} Tunjukilah kami jalan yang lurus, {6} (yaitu) jalan orang-orang yang Telah Engkau beri nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat {7}

آداب النوم

المسلم اعتبر النوم من نعم الله على عباده، ولذا يلزم أن يرعى الآداب التالية:

- ١- أن لا يؤخر نومه بعد صلاة العشاء إلا لضرورة أو حاجة.
 - ٢- أن ينام على وضوء وطهارة، لقوله ﷺ : "إذا أتيت مضجعك فتوضاً ووضوءك للصلوة" رواه البخاري ومسلم.
 - ٣- وأن يستقبل القبلة بوجهه.
 - ٤- وأن ينام على جنبه الأيمن وأن يضع يده اليمنى تحت خده الأيمن. ولا بأس أن يتحول إلى شقه الأيسر فيما بعد ذلك، لقوله ﷺ : "إذا أتيت مضجعك فتوضاً ووضوءك للصلوة ثم اضطجع على شقك الأيمن، فإن ذلك من سنة سيد المرسلين محمد ﷺ .
 - ٥- أن لا يضطجع على بطنه أثناء نومه ليلاً وغافراً، لأنها ضعجة أهل النار، وإنما لا يحبها الله عزوجل كما في الحديث
 - ٦- أن يقرأ الفاتحة وأول سورة البقرة ، وآية الكرسي، وخاتمة سورة البقرة :
- ا) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۖ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۖ الرَّحِيمِ ۖ مَنِلَّكِ يَوْمَ الدِّينِ ۖ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۖ أَهْدَنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۖ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ۖ

ii) Awal surah al Baqarah :

Alif laam miin {1} Kitab (Al Quran) Ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa, {2} (yaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan shalat, dan menafkahkan sebahagian rezki yang kami anugerahkan kepada mereka {3} Dan mereka yang beriman kepada Kitab (Al Quran) yang Telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang Telah diturunkan sebelummu, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat {4} Mereka Itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lahir orang-orang yang beruntung {5}.

iii) Ayat Kursi :

Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia yang hidup kekal lagi terus menerus mengurus (makhluq-Nya); tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang di langit dan di bumi. tiada yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izin-Nya? Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi, dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.{255}.

iv) Akhir surah al Baqarah :

Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikan, niscaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. {284}Rasul Telah beriman kepada Al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat." (mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkau lah tempat kembali." {285} Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. ia mendapat pahala (dari kebijakan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahanatan) yang dikerjakannya. (mereka berdoa): "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. beri ma'aflah Kami; ampunilah Kami; dan rahmatilah kami. Engkau lah penolong kami, Maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir." {286}

7- Membaca doa :

"Ya Allah, dengan namaMu aku hidu dan aku mati"

8- Apabila sedar dari tidur sebelum bangkit dari tempat tidur hendaklah membaca doa :

"Segala puji untuk Allah yang menghidupkan kita kembali setelah mematikan kita (tidur) dan kepadaNya juga kita kembali".

ب) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الَّمَّا ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ لَهُ هُدَى لِلْمُتَّقِينَ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيُّونَ
الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالآخِرَةِ
هُمْ يُوقِنُونَ ۝ أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدَىٰ مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝

ج) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ لَا يَإِذْنَهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ لَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ
مِنْ عِلْمِهِ لَا يَمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَا يَعُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ

الْعَظِيمُ ۝

د) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ
فَيُغَفِّرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعِدُّ بُلْ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ إِنَّمَا أَنْزَلَ رَسُولُهُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ
مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ أَمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَكِتِهِ وَكُلُّهُمْ وَرَسُولِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ
وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفرانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ۝ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا
مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذنَا إِنْ سَيِّئَتْ أَوْ أَخْطَلَنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا عَلَيْنَا إِصْرًا
كَمَا حَمَلْنَا عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَا

وَأَرْحَمْنَا أَنَّتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ۝

۱- وَأَنْ يَقُولَ : اللَّهُمَّ بِاسْمِكَ أَحْيِي وَأُمُوتُ

۲- وَأَنْ يَقُولَ إِذَا اسْتِيقَظَ وَقَبْلَ أَنْ يَقُولَ مِنْ فِرَاشَهُ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ

مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

MENGASIHI JIRAN TETANGGA

Jiran ialah orang yang rumahnya bersebelahan dengan rumah anda sehingga 40 rumah dari setiap penjuru (sебelah kiri, kanan, depan dan belakang). Mengasihi jiran tetangga adalah asas utama dalam setiap kehidupan bermasyarakat.

Jiran mempunyai banyak hak, antaranya :

- 1- Memberi salam apabila bertemu dengannya (sekiranya jiran itu orang Islam).
- 2- Melakukan perkara kebaikan bersamanya.
- 3- Membalas kebaikannya apabila ia memulakannya.
- 4- Menunaikan haknya dari sudut harta benda.
- 5- Melawatnya apabila ia sakit.
- 6- Mengucap tahniah apabila ia gembira.
- 7- Mengucap ta'ziah apabila ditimpah perkara yang tidak diingini atau bala'.
- 8- Jangan sengaja melihat kepada isteri atau anak-anak perempuannya sekalipun mereka itu orang gajinya.
- 9- Menutup aurat dan keaibannya.
- 10- Menahan daripada perkara buruk (menimpanya) mengikut kemampuan anda.
- 11- Bertemu dengannya dengan muka manis dan rasa hormat.
- 12- Tidak menyakitinya, sabda nabi s.a.w : "Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah ia memuliakan jirannya".
- 13- Memaafkan kesilapan dan kesalahannya.
- 14- Tidak menyusahkannya ketika berurusan dengannya.

حبة الجيران

الجار : من جاورت داره دارك إلى أربعين دارا من كل جانب.

ومحبة الجيران : هي الأساس الوحيد في كل مجتمع إنساني.

وللجار حقوق كثيرة، منها:

- ١- أن تبدأ بالسلام إذا لقيته - إذا كان مسلما.
- ٢- أن تصنع معه المعروف.
- ٣- أن تكافئه على معروفة إذا بذك بها.
- ٤- أن تؤدي ما له عليك من الحقوق المالية.
- ٥- أن تعوده إذا مرض.
- ٦- أن تهنئه إذا فرح.
- ٧- أن تعزيه إذا أصيب بمكروه أو بلاء.
- ٨- أن لا تعمد النظر إلى نسائه وبناته ولو كان خدمها له.
- ٩- أن تستر عوراته وعيوبه.
- ١٠- أن ترد عنه المكروه بقدر استطاعتك.
- ١١- وان تقابلها بالبشاشة والاحترام.
- ١٢- وان لا تؤذيه، قال رسول الله ﷺ : من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليكرم جاره.
- ١٣- أنتصف عن زلاته وأخطائه.
- ١٤- أن لا تضايقه في معاملاتك معه.

- 15- Menjaga/memenuhi keperluan keluarganya semasa ia tiada.
- 16- Tidak memanjangkan percakapan bersamanya supaya tidak menyakitinya.
- 17- Memberi bimbingan padanya perkara yang ia tidak tahu berkaitan urusan agama dan dunia.
- 18- Tidak lupa mengawasi rumahnya kerika ketiadaannya.
- 19- Jangan menyempitkan jalan ke rumahnya.
- 20- Menyuruhnya berbuat baik dan melarangnya daripada melakukan kejahanan.

Jiran ada tiga jenis :

- 1- Jiran yang mempunyai satu hak iaitu jiran yang bukan Islam, maka ia mempunyai hak berjiran sahaja.
- 2- Jiran yang mempunyai dua hak iaitu jiran yang beragama Islam, maka ia mempunyai hak berjiran dan hak seorang Islam.
- 3- Jiran yang mempunyai tiga hak iaitu jiran yang beragama Islam dan mempunyai hubungan kekeluargaan, maka ia mempunyai hak berjiran, hak seorang Islam dan hak kekeluargaan.

- ١٥ - أن تلاحظ حوائج أهله إذا غاب.
- ١٦ - أن لا تطيل معه الكلام لئلا تؤذيه.
- ١٧ - أن ترشده إلى ما يجهله من أمر دينه ودنياه.
- ١٨ - أن لا تغفل عن ملاحظة داره عند غيبته.
- ١٩ - أن لا تضيق طريقه إلى داره.
- ٢٠ - أن تأمره بمعرفة وتنهاه عن المنكر.

ثم إن الجيران ثلاثة :

- ١ - جار له حق واحد، وهو الجار المشرك فله حق الجوار فقط.
- ٢ - جار له حقان، وهو الجار المسلم، فله حق الجوار وحق الاسلام.
- ٣ - جار له ثلاثة حقوق، وهو الجار المسلم ذو الرحم، فله حق الجوار وحق الاسلام وحق الرحم.

Pelajaran Kelapan**SIFAT BENAR**

Sifat benar ialah memberitahu seseuatu perkara menepati keadaan sebenar. Lawannya ialah sifat dusta.

Punca bersifat benar :

- 1- Akal : ianya dapat mengetahui kebaikan sifat benar dan keburukan sifat dusta.
- 2- Agama : ianya menyuruh agar mengikut sifat benar dan mengharamkan dan melarang bersifat dusta.
- 3- Maruah : ianya mendorong bersifat benar dan melarang bersifat dusta. Orang yang bermaruah jiwanya tidak suka kecuali sifat benar dan benci sifat dusta.

Sifat benar merangkumi :

- i- Setia
- ii- Adil
- iii- Menjaga amanah
- iv- Berkata benar
- v- Mengengatkan manusia dengan perkara kebaikan.

Serendah-rendahnya sifat benar ialah apa yang dituturkan lidah tidak menyalahi hatinya dan kehendak hatinya tidak menyalahi apa yang diucapkan.

Islam menggalakkan umatnya bersifat benar. Rasulullah s.a.w bersabda : "Hendaklah kamu bersifat benar, kerana sifat benar itu membawa kepada kebaikan dan kebaikan membawa ke syurga. Seseorang yang sentiasa bersifat benar sehingga dicatat di sisi Allah sebagai seorang yang benar".

Sifat benar antara sifat para nabi, rasul dan orang-orang soleh. Islam menyuruh ibubapa menanamkan sifat benar dalam jiwa anak-anak sehingga mereka terbiasa dengan sifat itu dalam hidup, perkataan dan perbuatan mereka.

Oleh itu pelajar hendaklah sentiasa bersifat benar kerana sifat benar adalah punca kebahagiaan.

الصدق

الصدق هو الاخبار بما يطابق الواقع، وضده الكذب.

أسباب الصدق

- ١ - العقل : فهو يدرك منفعة الصدق ومضره الكذب.
- ٢ - الدين : فهو يأمر باتباع الصدق ويحرم وينهى عن الكذب.
- ٣ - المروءة : فهي باعثة على الصدق ومانعة عن الكذب. فصاحب المروءة لا يرضي لنفسه إلا الصدق، ويكره الكذب.

والصدق يشمل :

- ج) حفظ الأمانة ب) العدل
هـ) ذكر الناس بالخير.

أ) الوفاء

د) قول الحق

وأدنى حد الصدق عدم مخالفة اللسان القلب، وعدم مخالفة القلب اللسان.

الاسلام يحث امته على الصدق، فقال رسول الله ﷺ : عليكم بالصدق، فإن الصدق يهدي إلى البر، والبر يهدي إلى الجنة. وما يزال الرجل يصدق ويتحرى الصدق حتى يكتب عند الله صديقا".

والصدق من صفات الأنبياء والمرسلين والصالحين. والاسلام يأمر الوالدين أن يغرسا الصدق في نفوس الأبناء والأطفال حتى ألغوها في حياتهم وأفواهم وأفعالهم كلها. ولذلك على الطلبة والطالبات أن يتبعوا على الصدق، لأن الصدق أول السعادة.

Jenis sifat benar :

Sifat benar ada beberapa jenis, antaranya:

1- Benar dalam percakapan

Seseorang itu memelihara kata-katanya. Ia tidak bercakap kecuali dengan benar. Bercakap benar adalah jenis sifat benar dan ia adalah atas kebahagiaan.

2- Niat yang benar :

Ialah niat yang ikhlas. Orang yang tidak ada niat yang benar bukanlah orang yang ikhlas dan orang tersebut seorang pendusta.

3- Keazaman yang benar dan melaksanakannya:

Keazaman yang benar, ia tidak ragu-ragu dalam keazamannya bahkan menunaikan azam tersebut. Kerana itulah Allah s.w.t memuji orang yang menunaikan janjinya :

Maksudnya : "Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang Telah mereka janjikan kepada Allah".

4- Benar dan perbuatan:

Perbuatan zahirnya Sama sahaja sama ada ketika sembunyi atau nyata yang mana amalan zahir tidak menyalahi amalannya secara sembunyi.

5- Benar dalam setiap keadaan mengikut kehendak agama:

Bersifat benar ketika takut, mengharap, zuhud, redha, cinta dan tawakkal pada Allah.

Antara tanda -tanda sifat benar dalam sudut ini ialah menyembunyikan segala bencana yang menimpa dan segala ketaatan yang dilakukannya, tidak suka orang lain melihat perkara tersebut.

أنواع الصدق

الصدق على أنواع، منها:

١- الصدق في القول: وهو أن يحفظ المرء أقواله، فلا يتكلم إلا بالصدق، والصدق باللسان أشهر أنواع الصدق، وهو أول السعادة.

٢- الصدق في النية والإرادة : وهو الإخلاص في النية، فمن لم يكن في نيته صادقا لا يكون مخلصا، وصاحبها يكون كاذبا.

٣- الصدق في العزم والوفاء به : وهو أن يصدق في عزمه، فلا يتعدد في عزيمته بل يفي بذلك العزم. ولذا قال الله تعالى مادحا من يفى بعهده :

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهُ عَلَيْهِ

٤- الصدق في الأعمال : وهو أن تستوي سريرته وعلانيته مع أعماله الظاهرة، بحيث لا تكون أعماله الظاهر على خلاف باطنها.

٥- الصدق في مقامات الدين : وهو أن يصدق في الخوف والرجاء والرهن والرضا والحب والتوكيل.

ومن علامات الصدق في هذه الناحية : كتمان المصائب والطاعات جيعا، وكراهية اطلاع الناس على ذلك.

SIFAT DUSTA

Dusta ialah memberitahu sesuatu yang tidak menepati keadaan sebenar perkara tersebut.

Faktor sifat dusta

Faktor yang mendorong seseorang itu berdusta adalah seperti berikut :

Pertama – Ingin mendapat kesenangan dan menolak kesusahan:

Kadang-kadang ada manusia yang melihat bahawa berdusta itu adalah cara yang selamat dan mudah lalu ia lakukannya dan berdusta. Dan kadang-kadang ia melihat bersifat benar itu ada kesusahan lalu ia tidak melakukannya.

Kedua – Ingin memuaskan hatinya terhadap musuhnya:

Kadang-kadang tujuan seseorang itu berdusta ialah untuk puaskan hatinya terhadap musuhnya. Lalu ia menyebut keburukan yang direka-rekanya dan menggambarkannya dengan pelbagai keaibah yang ia bohonginya.

Ketiga – Suka bersumpah:

Kadang-kadang seorang itu berdusta kerana kebiasaannya yang suka bersumpah.

Keempat – Suka berdusta:

Seseorang itu berdusta disebabkan ia suka berdusta dan terbiasa dengannya. Maka (suka) berdusta itu menjadi kebiasaannya dan jiwanya suka bersifat sedemikian, sehingga sekiranya ia ingin menjauhi sifat berdusta itu maka sukar baginya dan ia tidak mampu.

Keburukkan sifat berdusta

Antara keburukan sifat berdusta ialah keburukan yang akan terkena kepada tuannya, ianya adalah seperti berikut:

- 1- Ia dihina dan tidak skan dihormati.
- 2- Hilang kepercayaan.
- 3- Hina hidup di dunia.
- 4- Diazab di akhirat kelak.

الكذب

الكذب هو الإخبار بما لم يطابق الواقع وحقيقة الأمر.

داعي الكذب

ومن داعي الكذب ما يأتي :

أولا - إرادة جلب المنافع وإراادة دفع الضرر: فقد يرى الإنسان أن في الكذب السلامية العاجلة فتأتيه ويكتذب. وقد يرى أن في الصدق الضرر فلا يأتيه.

ثانيا - قصد التشفي من عدوه : فقد يقصد المرء بالكذب التشفي من عدوه، فيسممه بقبائح كان يخترعها وأن يصفه بفضائح كان يكتذب عليه.

ثالثا - كثرة الحلف : فقد يكتذب المرء نتيجة اعتماده على كثرة الحلف

رابعا - كثرة التعود : فقد يكتذب المرء بسبب أنه تعود على الكذب حتى ألفها، فصار الكذب له عادة، ونفسه إليه مطيعة، حتى لو أراد مجانية الكذب عسر عليه ولم يستطع.

أضرار الكذب

ومن أضرار الكذب أضرار تعود على صاحبه. ومن هذه الأضرار ما يأتي:

- ١- إنه محترق ولا يحترم.
- ٢- تضييع الثقة به.
- ٣- يسترذل في الدنيا.
- ٤- يعاقب في الآخرة.

Di sana terdapat keburukan lain yang akan terkena kepada orang lain, antaranya:

- 1- Timbul kebencian di kalangan manusia.
- 2- Berlaku perbalahan di antara manusia.
- 3- Terguris perasaan orang lain kerana harapannya ketika mempercayainya dan nyata selepas itu bahawa ia adalah pendusta.
- 4- Timbul umpatan dan hasutan di antara manusia.

Kerana itulah Rasulullah s.a.w telah bersabda :

“Hendaklah kamu bersifat benar, kerana sifat benar itu membawa kepada kebaikan dan kebaikan membawa ke syurga. Seseorang yang sentiasa bersifat benar sehingga dicatat di sisi Allah sebagai seorang yang benar. Berhati-hatilah dengan sifat dusta kerana sifat dusta itu membawa kepada kejahanatan dan kejahanatan membawa ke neraka. Seseorang itu uterus berdusta sehingga dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta”.

Firman Allah s.w.t : “*dan kita minta supaya la'nat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang dusta*”.

Firman Allah s.w.t lagi : *Wahai orang-orang Yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang Yang benar.*

وهناك أضرار أخرى تعود على غير صاحبه، منها:

- ١ - حصول التباغض بين الناس.
- ٢ - حصول التخاصم بين الناس.
- ٣ - انكسار نفس غيره لخيبة رجائه عند ما يصدقه وقد تبين بعد ذلك أنه كاذب.
- ٤ - ظهور الغيبة والنميمة بين الناس.

لذلك كله قال الرسول ﷺ : "عليكم بالصدق، فإن الصدق يهدي إلى البر، والبر يهدي إلى الجنة. وما يزال الرجل يصدق ويتحرى الصدق حتى يكتب عند الله صديقاً. وإياكم والكذب، فإن الكذب يهدي إلى الفجور، وإن الفجور يهدي إلى جهنم. وما يزال الرجل يكذب ويتحرى الكذب حتى يكتب عند الله كذاباً."

وقال تعالى : فَنَجْعَلُ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَذَّابِينَ ﴿٦﴾ وقال تعالى أيضاً : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا آتَقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ^

[^] سورة آل عمران : آية ٦١ ، سورة التوبه : آية ١١٩

*Pelajaran Kesepuluh***SIFAT PENYABAR**

Sifat penyabar ialah menahan marah, meredakan api kemarahan tanpa rasa hina atau rendah diri. Seseorang yang bersifat sedemikian dikatakan sebagai seorang yang penyabar.

Orang yang penyabar perlu berusaha sehingga dapat membiasakan dirinya dengan sifat penyabar seterusnya sifat ini menjadi perkara biasa baginya. Maka ia tidak cepat marah dan tidak sukar untuk mengawal kemarahannya.

Sifat penyabar ialah antara akhlak mulia yang mengangkat seseorang itu ke darjah yang paling tinggi. Sifat ini adalah antara sifat-sifat para nabi, rasul, pemimpin dan tokoh-tokoh yang agung. Allah s.w.t menyebut perkataan al Hilm di dalam al Quran sebanyak 20 kali, antaranya:

- 1- Firman Allah s.w.t: Maksudnya : “ *Perkataan yang baik dan pemberian maaf¹⁰ lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan si penerima).* Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun.
- 2- Firman Allah s.w.t: Maksudnya : “ *Sesungguhnya Ibrahim itu benar-benar seorang yang Penyantun lagi penghiba dan suka kembali kepada Allah*”.

Rasulullah s.a.w telah menyebut dalam banyak hadis, antaranya:

- 1- Sabda nabi s.a.w : “ *Lima perkara antara sunah para rasul : sifat malu, penyabar, berbekam, bersugi dan memakai wangian*”.
- 2- Sabda nabi s.a.w : “ *Allah tidak memuliakan sama sekali orang yang jahil dan tidak hinakan sama sekali orang yang penyabar*”.

Orang bijaksana telah mengetahui sejak dahulu lagi kedudukan sifat penyabar dan kelebihannya.

¹⁰ *Perkataan yang baik* maksudnya menolak dengan cara yang baik, dan maksud *pemberian ma'af* ialah mema'afkan tingkah laku yang kurang sopan dari si penerima.

الحلم

الحلم هو كظم الغيظ وكسر شوكة الغضب من غير ذل أو هوان. والمرء المتصف به يقال له الحليم.

وصاحب الحلم قد يحتاج إلى تعب ومجاهد حتى يستطيع اعتياد الحلم حتى يصبح عنده أمراً اعتياديّاً فلا يغضبه بسرعة ولا يكظم الغيظ بتعب.

الحلم من أخلاق الفاضلة يرفع صاحبه إلى أعلى الدرجات. وهو من صفات الأنبياء والمرسلين والأئمة والرجال العظام. وقد ذكر الله تعالى مادة "الحلم" في القرآن الكريم نحو عشرين مرة، منها:

- 1- قوله تعالى : * قَوْلٌ مَعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِنْ صَدَقَةٍ يَتَبَعَهَا آدَىٰ وَاللهُ عَنِّيٌ حَلِيمٌ
- 2- قوله تعالى: إِنَّ إِبْرَاهِيمَ لَحَلِيمٌ أَوَّلُ مُنْبِتٍ^٩

وقد ذكر الرسول ﷺ في أحاديث كثيرة، منها:

- 1- قوله ﷺ : "خمس من سنن المرسلين : الحياة والحلم والحجامة والسواك والتعطر".

- 2- قوله ﷺ : "ما أعز الله بجهل قط، ولا ذل بعلم قط".

ولقد عرف الحكماء منذ أقدم العصور مكانة الحلم وفضله.

Faedah sifat penyabar:

faedah sifat penyabar

Antara faedah sifat penyabar adalah seperti berikut:

- 1- Sifat penyabar dapat menjauhi sifat zalim sekalipun kecil.
- 2- Sifat penyabar dapat mengelak dari mengikut kehendak nafsu yang marah.
- 3- Sifat penyabar dapat mencapai kedudukan dan darjat yang tinggi.
- 4- Sifat ini akan menyempurnakan imannya, kerana itu imam Sufian al Tha'uri dan Fudail bin 'Iyad berkata : "Semulia-mulia amalan ialah sabar ketika marah dan sabar ketika resah gelisah.
- 5- Sifat sabar dapat menjauhkan daripada segala maksiat.

فوائد الحلم:

ومن فوائد الحلم ما يأتي:

- ١- يستطيع الحلم أن يتتجنب الظلم ولو قليلاً.
- ٢- يستطيع أن يتبع عن الاستجابة لهو النفس الغاضبة.
- ٣- يستطيع أن يصل إلى أعلى المراتب وأسمى الدرجات.
- ٤- يستكمل إيمانه، ولذا قال الإمام سفيان الثوري والفضل بن عياض: إن أفضل الأعمال الحلم عند الغضب والصبر عند الجزع.
- ٥- يستطيع أن يتبع عن سائر المعاصي.

IKHLAS

Ikhlas ialah anda inginkan redha Allah s.w.t dengan melakukan taat kepadaNya dan bukan kerana selainNya. Lawannya ialah syirik dan riya'.

Ikhlas kerana Allah dalam setiap amalan akan mengangkat kedudukan amal dunia dan menjadikannya ibadat yang diterima di sisi Allah.

Firman Allah s.w.t :

"*Sesungguhnya Allah Hanya menerima (korban) dari orang-orang yang bertakwa*".

Dan firmanNya lagi : "*Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus*".

Perbezaan keikhlasan menjadikannya berbeza balasan dan pahala dari Allah mengikut kadar keikhlasan niat kepada Allah akan dicatat pahala berganda 10 kali ganda sehingga 700 kali atau lebih daripada itu.

Islam mewajibkan orang Islam menjadi orang yang ikhlas. Maka setiap muslim dan pelajar menggunakan ilmu untuk mendapat keredhaan Allah.

Rasulullah s.a.w bersabda : "*Barang siapa yang belajar sesuatu ilmu kerana Allah dan sekiranya ia belajar kerana ingin mendapat habuan dunia maka ia tidak akan dapat mencium bau syurga di akhirat*". Hadis riwayat Abu Daud.

Amalan terbahagi kepada tiga bahagian:

Pertama – Perkara maksiat, tidak mengubah kedudukannya dengan niat.

Kedua – Perkara ketaatan, ianya terikat dengan niat sama ada ikhlas atau tidak.

Ketiga – Perkara harus, tidak ada sesuatu yang harus melainkan ia akan menjadi ibadat dengan niat yang baik dan ikhlas kerana Allah s.w.t.

الإخلاص

الإخلاص هو أن تزيد الله عز وجل بطاعته، ولا تزيد سواه. وضده الشرك والرياء.

الإخلاص لله في الأعمال يرفع منزلة العمل الدنيوي، فيجعله عبادة مقبولة عند الله.

فقال الله تعالى : إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ وَقَالَ أَيْضًا : وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا

الله مخلصين له الدين ١١

التفاوت في الإخلاص يجعل التفاوت في الأجر والثواب من الله على قدر إخلاص النية الله تكتب الأضعاف من الثواب من عشرة أضعاف إلى سبعمائه ضعف أكثر من ذلك.

قد أوجب الإسلام المسلمين أن يكونوا مخلصين، فيجب على كل مسلم وطالب أن يخدم العلم ابتغاء مرضاه الله. فقال رسول الله ﷺ : "من تعلم العلم يتغى وجه الله تعالى لا يتعلم إلا ليصيب عرضا من الدنيا لم يجد عرف الجنة" ١٢ يوم القيمة". رواه أبو داود.

إن الأعمال تنقسم إلى ثلاثة أقسام :

أولاً – المعاصي، فلا تغير عن موضعها بالنية.

ثانياً – الطاعات، وهي مرتبطة بالنيات إخلاصاً وعدمه.

ثالثاً – المباحثات، مما من شيء من المباحثات إلا تحول إلى قربات بالنية الصالحة والإخلاص لله تعالى.

^{١١} سورة المائدۃ : آیة ٢٧ ، سورة البینة : آیة ٥

^{١٢} عرف الجنة : رائحتها

Untuk mendapat keikhlasan beramal, anda perlu mengikuti cara berikut:

- 1- Anda melihat (merasakan) bahawa Allah s.w.t yang memberikan taufik kepada anda untuk beramal. Ketika itu anda untuk melakukan amal tersebut dengan rasa syukur bukan dengan rasa bangga diri.
- 2- Anda melihat pada amalan yang ingin melakukannya, adakah ia kerana Allah dan dalam keredhaanNya atau tidak?. Sekiranya amalan itu kerana Allah s.w.t dan dalam keredhaanNya maka lakukannya. Dan sekiranya anda tahu amalan itu bukan kerana Allah s.w.t dan tidak dalam keredhaanNya maka janganlah lakukannya supaya anda tidak lakukannya dengan hawa nafsu anda.
- 3- Anda melakukannya ikhlas kerana Allah dan mengharapkan keredhaannya, maka jangan peduli dengan kata-kata orang lain.

Sebahagian ulamak berkata : “Sesuatu amalan itu memerlukan 4 perkara untuk mendapat keikhlasannya:

- 1- Ilmu sebelum memulakannya kerana amalan itu tidak sempurna kecuali dengan ilmu. Amalan tanpa ilmu maka perkara yang merosakkannya lebih banyak daripada perkara yang memperbaikinya.
- 2- Niat di permulaannya kerana amalan itu tidak sah kecuali dengan niat seperti mana sabda Rasulullah s.a.w : “*Sesungguhnya setiap amalan itu adalah dengan niat dan bagi setiap orang itu apa yang ia niatkan*”.
- 3- Sabar semasa melakukannya: Ia bersabar semasa melakukannya sehingga membawa kepada ketenangan.
- 4- Ikhlas setelah selesai melakukannya kerana amalan tidak diterima tanpa keikhlasan.

وللحصول على إخلاص العمل عليك أن تتبع ما يأتي:

- 1- أن ترى أن الله تعالى هو الذي وفقك للعمل. فعندئذ تعمل ذلك العمل بالشكر ولا تشعر بالعجب.
- 2- أن تنظر في العمل الذي تريد أن ت عمله هل هو الله تعالى وفي رضاه أو لا؟ فإن كان العمل لله تعالى وفي رضاه فاعمله، وإن علمت أنه ليس لله تعالى وليس فيه رضا الله فلا ت عمله، لكيلا تكون عملاً بمحى نفسه.
- 3- أن تعمل خالصاً لوجه الله وابتغاء مرضاته، فلا تبالي بمقالة الناس.

وقال بعض العلماء : يحتاج العمل للحصول على الإخلاص إلى أربعة أشياء:

- 1- العلم قبل بدئه، لأن العمل لا يصلح إلا بالعلم، فإن العمل بغير علم كان ما يفسده أكثر مما يصلحه.
- 2- النية في مبدئه، لأن العمل لا يصلح إلا بالنية كما قال الرسول ﷺ : إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ ما نوى".
- 3- الصبر في وسطه، فتصير فيه حتى تؤديه على السكون والطمأنينة.
- 4- الإخلاص عند فراغه، لأن العمل لا يقبل بغير إخلاص.

SIFAT MALU

Haya' dan isthya' adalah sama maksuknya iaitu sifat malu. Terdapat beberapa takrif haya', antaranya:

"Haya'" : menahan diri daripada keji dan meninggalkannya kerana malu". Lawan sifat malu ialah tidak malu (suka berbuat jahat) dan mencarut (mengeluarkan perkataan keji dan kotor).

Sifat malu adalah antara akhlak al Quran. Allah s.w.t menyebut perkataan Haya' pada tiga tempat di dalam al Quran

Sifat malu adalah antara tanda iman, Rasulullah s.a.w bersabda : "Sifat malu itu satu cabang daripada iman". Dalam hadis lain : "Sifat malu sebahagian dari iman dan iman itu dalam syurga. Mencarut itu sebahagian daripada kasar pergaulan dan kasar pergaulan itu dalam neraka".

Sifat malu akan membawa kebaikan dan menghalang tuannya daripada semua perkara keji. Kerana itulah Rasulullah s.a.w bersabda : "Sifat malu akan membawa kebaikan". Dan sabdanya lagi : "Sesungguhnya bagi setiap agama itu ada akhlaknya dan akhlak Islam ialah sifat malu".

الحياء

الحياء والاستحياء بمعنى واحد، وهو الحشمة. وقد ورد في تعريف الحياء عبارات كثيرة، منها :

* الحياء : انقباض النفس عن القبيح وتركه لذلك. ضد الحياء : الوقاحة والبذاء^{١٣}.

* الحياء خلق من أخلاق القرآن الكريم، فقد ذكر الله تعالى مادة "الحياء" في ثلاثة مواضع من القرآن الكريم^{١٤}.

* الحياء من علامة الإيمان، فقال الرسول ﷺ : "الحياء شعبة من الإيمان". وقال في حديث آخر : "الحياء من الإيمان، والإيمان في الجنة، والبذاء من الجفاء، والجفاء في النار".

* الحياء لا يأتي إلا بخير ويصد صاحبه عن كل قبيح، لذا قال الرسول صلى الله عليه وسلم: "الحياء لا يأتي إلا بخير" ، وقال : "إن لكل دين خلقا، وخلق الإسلام الحياء".

^{١٣} الوقاحة والبذاء هي الفاحشة، ولذا يقال : ضد الحياء الفحش.

^{١٤} موضع في سورة البقرة: آية ٢٦، الأحزاب: آية ٥٣، القصص: آية ٢٥

Sifat malu ada beberapa jenis, antaranya:

1- Malu pada Allah:

Iaitu manusia menjaga kepala dan isinya, perut dan isinya dan mengingati kematian dan ujian. Rasulullah s.a.w bersabda: "Hendaklah kamu malu pada Allah sebenar-benar malu". Sahabat berkata : Alhamdulillah, kami memang malu pada Allah. Baginda berkata : "Bukan begitu, sesungguhnya sebenar-benar malu pada Allah itu ialah kamu menjaga kepala kamu dan isinya, perut kamu dan isinya serta kamu ingatkan mati dan ujian. Barangsiapa yang inginkan akhirat hendaklah ia meninggalkan perhiasan dunia. Orang yang melakukan sedemikian maka ia sebenar-benarnya telah malu pada Allah".

2- Malu pada orang ramai:

Yang demikian itu seperti malunya seseorang itu untuk bercakap banyak bersama orang yang disegani dan dihormatinya. Dan juga seperti malunya seseorang yang mulia apabila ia memberi sesuatu kemudian merasakan apa yang diberikannya itu kurang dari sepatutnya.

3- Malu pada diri sendiri:

Yang demikian itu seperti malunya seseorang itu kerana kurang melakukan kebaikan. Ini kerana ia melihatnya apa yang dilakukannya itu kurang dari sepatutnya lalu ia merasa malu. Sifat malu jenis ini adalah yang paling mulia kerana seseorang itu apabila ia malu terhadap dirinya sendiri maka pada orang lain tentu ia lebih malu.

الحياء على أنواع، منها:

١- الحياء من الله:

وهو أن يحفظ الإنسان رأسه وما فيه والبطن وما فيه^{١٥}، وأن يذكر الموت والبلى. وقد قال الرسول ﷺ: "استحيوا من الله حق الحياة. قالوا: كنا نستحيي والحمد لله. فقال: ليس ذلك، وإنما الحياء من الله حق الحياة أن تحفظ الرأس وما وعى، والبطن وما حوى ولتذكرة الموت والبلى. ومن أراد الآخرة ترك زينة الدنيا. فمن فعل ذلك فقد استحيا من الله حق الحياة".

٢- الحياء من الناس:

وذلك كحياء الإنسان من التبسيط في الكلام مع من يهابه ويوقره، وكحياء الرجل الكريم إذا أعطى وأحس بأن ما أعطاه دون ما ينبغي.

٣- الحياء من نفسه:

وذلك كحياء الإنسان من تقصيره في الخير، إذ أنه يراه قد يفعله دون ما ينبغي فيستحي. وهذا الحياء أشرف أنواع الحياة، لأن المرء إذا استحيا من نفسه فهو من غيره يكون أشد استحياء.

^{١٥} ما في الرأس: الأذن واللسان والفم والعقل، وأما في البطن فهو فرج، فيجب على الإنسان أن يحفظ هذه الأعضاء حتى لا يستعملها في الحرام.

درجات الحياة:

Darjat sifat malu

Sifat malu ada tiga darjat:

Darjat pertama :

sifat malu yang lahir daripada ilmu seseorang hamba bahawa Allah s.w.t melihatnya. Ini akan membawanya sentiasa dalam ketaatan dan meninggalkan maksiat.

Darjat kedua :

sifat malu yang lahir pada seseorang hamba itu ketika hatinya merasa bahawa Allah s.w.t bersamanya dan ia bersama Allah s.w.t serta Allah hampir dengannya, menerima doa dan taubatnya.

Darjat ketiga :

sifat malu lahir dari hati yang tiada pergantungandengan makhluk dan duduk bersama Allah s.w.t yang mana seseorang itu tidak melihat ketika bersama Allah perkara-perkara lain dan tidak terlintas di fikirannya ketika itu selain Allah.

الحياة على ثلاثة درجات:

الدرجة الأولى : هي الحياة الذي يتولد من علم العبد بأن الله تعالى ناظر إليه، فيدعوه ذلك إلى الدأب في الطاعة والنفور من المعصية.

الدرجة الثانية : هي الحياة الذي يتولد في العبد عند شعور قلبه بأن الله تعالى معه، وأنه مع الله، وأن الله قريب منه بالإجابة والإنابة.

الدرجة الثالثة : هي الحياة الناشيء من انخلال قلب العبد من التعلق بالملحوقات وعكوفه على الله تعالى، بحيث لا يرى المرء مع الله غيره ولا يخطر بباله في تلك الحالة سواه.

LEMAH LEMBUT

Sifat lemah lembut ialah sentiasa mesra dengan manusia dan gembira bertemu mereka.

Punca sifat ini ada lima perkara:

Pertama – agama, kerana iman yang sempurna akan wujud sifat lemah lembut dan belas kasihan.

Kedua – keturunan, ini kerana seseorang itu mengasihi dan menyayangi kaum keluarganya dan menghindarkan keburukan daripada mereka. Kerana itulah nabi s.a.w bersabda: “*Hubungan kekeluargaan apabila saling bersentuhan (berhubungan) akan lahirlah kasih sayang*”.

Ketiga – persemedaan¹⁷, kerana seseorang itu apabila menyayangi pasangannya maka ia akan mengasihi setiap orang yang ada hubungi dengannya.

Khalid bin Yazid bin Mu’awiyah : “Makhluk Allah yang paling aku benci ialah keluarga Zubair sehingga aku berkahwin dengan seorang perempuan dari keluarga itu dan mereka kini adalah orang yang paling aku sayangi”.

Keempat – kebaikan, iaitu berbuat baik kepada manusia. Penyair Ahmad Syauqi berkata :

“Berbuat baiklah kepada manusia, kamu akan dapat menakluki hati-hati mereka
#

Selama mana kamu sumbangkan kebaikan kepada manusia”.

Kelima – persaudaraan, kerana cara sedemikian akan mengukuhkan ikatan dan menambahkan kasih sayang.

الألفة

الألفة هي الاستئناس بالناس والفرح بلقائهم.

وأسبابها خمسة:

أولاً – الدين، لأن كمال الإيمان يوجب الألفة والعطف.

ثانياً – النسب، لأن الإنسان يجنو على أقاربه ويحبهم ويكتف الأذى عنهم. لذا قال النبي ﷺ: ”إِنَّ الرَّحْمَةَ إِذَا تَمَاسَتْ تَعَاطَفَتْ“^{١٦}.

ثالثاً – المصاهرة، لأن الإنسان إذا أحب عرسه أحب كل من يتمنى إليها.

قال خالد بن يزيد بن معاوية: ”كان أبغض خلق الله إلى آل الزبير حتى تزوجت منهم، فصاروا أحب خلق الله إلى“.

رابعاً – البر : وهو الإحسان إلى الناس. قال الشاعر أحمد شوقي: ”أحسن إلى الناس تستعبد قلوبهم“. فطالما استعبد الإنسان إحسان.

خامساً – الإخاء، لأن يحتملوا الراحلة، وتزيد المحبة.

^{١٦} الرحم: القرابة - تماست: قربت - تعاطفت: أشفق بعضها على بعض. ومعنى الحديث: أن ذوي القرابة إذا إشتد القرابة بينهم أشفق بعضهم على بعض.

¹⁷ Persemendaan : hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan.

Kelebihan sifat lemah lembut:

Antara kelebihan sifat lemah lembut :

- 1- Melakukan kebaikan dan memberi kebaikan pada orang lain.
- 2- Tolong menolong dalam perkara kebaikan dan ketakwaan.
- 3- kehidupan yang stabil.
- 4- Sederhana dalam semua perkara.
- 5- Sepakat kata dan tidak berpecah belah,

Firman Allah s.w.t :

“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai”.

Firman Allah s.w.t :

dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

Dan sabda nabi s.a.w : “Orang mukmin itu peramah dan mudah mesra. Tidak ada kebaikan orang yang tidak peramah dan tidak mudah mesra dan sebaik-baik manusia itu orang yang banyak memberi kebaikan kepada orang lain”.

فوائد الألفة:

ومن فوائد الألفة:

١ - الإفادة والاستفادة.

٢ - التعاون على البر والتقوى

٣ - استقامة الأحوال

٤ - اعتدال الأمور.

٥ - اجتماع الكلمة وعدم الفرقة.

قال تعالى: وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

وقال تعالى: وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوْنِ^{١٨}

وقال النبي ﷺ: المؤمن ألف^{١٩} ومؤلف، ولا خير فيمن لا يألف ولا يؤلف، وخير الناس أنفعهم للناس".

^{١٨} سورة آل عمران : آية ١٠٣ ، المائدة : آية ٢
^{١٩} ألف : أليف

MARUAH DIRI

Menjaga maruah diri ialah sifat yang mengajak agar berpegang dengan akhlak-akhlak mulia dan adab yang baik.

Punca seseorang itu bermaruah : ialah semangat tinggi dan berjiwa mulia. Orang yang mempunyai semangat yang tinggi, berjiwa mulia maka matlamat hidupnya adalah mencapai kedudukan yang tinggi dan memperolehi kemuliaan, melakukan kebaikan, pemurah, menahan kejahatan dan menghalang kemudaratian kepada manusia.

Maruah itu ada dua jenis:

Pertama : Maruah itu membawa sifat-sifat terpuji dan sifat-sifat yang memberi kebaikan pada diri seseorang itu sahaja. Iaitu seseorang itu berpegang dengan agama dan berakhhlak dengan akhlak mulia dan sifat yang sempurna seperti menjauhi perkara haram, enggan melakukan dosa dan kesalahan, lemah lembut, akhlak baik, sifat benar, menunaikan janji, setia dan patuh pada perintah Allah dan radulNya serta menjauhi larangan kedua-duanya.

Kedua : Maruah itu membawa sifat-sifat terpuji dan sifat-sifat lain yang memberi kebaikan kepada orang lain. Iaitu memberi sumbangan dan bantuan, menunaikan amanah, menjaga tangan dan lidah daripada menyakiti, menyimpan rahsia, menerima kemaafan dan seumpamanya.

Bermaruah itu adalah satu sifat yang dianjurkan oleh agama Islam. Islam menggalakkan orang Islam bersifat sedemikian, firman Allah s.w.t:
Maksudnya : “Dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin), atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan”.

Nabi s.a.w bersabda : “Barang siapa yang bergaul dengan manusia lalu ia tidak menzalimi mereka, bercakap dengan mereka tapi tidak membohongi mereka, berjanji dengan mereka dan tidak menyalahi janji dengan mereka. Maka ia adalah orang yang sempurna maruahnya, nyata sifat adilnya dan pasti ia mendapat sahabat”.

المروءة

هي صفة تدعو إلى التمسك بمحكم الأخلاق ومحاسن الآداب.

سبب المروءة : علو الهمة وشرف النفس، فإن من كان على الهمة شريف النفس كانت غايته في الحياة احراز المعالي وادراك الفضائل، وابتلاء المكارم وبذل الندى والجود وكف الأذى ومنع الضرر عن الناس.

وهي على نوعين:

الأول – المروءة التي تثمر الفضائل والصفات القاصرة على نفس الإنسان فقط. وهي أن يتمسك المرء بالدين ويتحلى بالأخلاق الفاضلة والصفات الكاملة كاجتناب المحارم والتغافل عن الذنوب والمؤامرة ولين الجانب وحسن الخلق والصدق وانجاز الوعيد والوفاء بالعهد وامتثال أوامر الله ورسوله واجتناب نواهيهما.

الثاني – المروءة التي تثمر الفوائل والصفات المتعددة إلى الغير. وهي بذل التضحية والشفاعة وأداء الأمانة وكف اليد واللسانعن الأذى، وكتم السر وقبول العذر وما أشبهه.

المروءة صفة تدعو إلى الشريعة الإسلامية، فقد حث الإسلام المسلمين أن يتصرفوا بها.

فقال: وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ هُمْ خَصَّاصَةٌ^{٢٠}

وقال الرسول ﷺ: من عامل الناس فلم يظلمهم، وحدثهم فلم يكذبهم، ووعدهم فلم يخلفهم، فهو من كملت مروءته وظهرت عدالته ووجبت أخوته.